

30 JAN 1999

Samy-Demonstrasi

DEMONSTRASI DI TOL BERMOTIFKAN POLITIK, KATA SAMY

IPOH, 30 Jan (Bernama) -- Tindakan beberapa badan politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) merancang berdemonstrasi di pusat kutipan tol utama di seluruh negara esok, bermotifkan politik dan ia tidak akan memberi sumbangan positif.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata perbuatan itu adalah tindakan orang yang ingin popular dalam politik.

Sebagai sebuah negara demokrasi, kerajaan tidak akan menghalang rancangan mereka untuk mengadakan tunjuk perasaan seperti itu, katanya kepada pemberita selepas program pemuafakatan pendidikan komputer di Sekolah Menengah Sungai Pari di sini, hari ini.

"Saya percaya hanya 10 peratus daripada mereka (yang berdemonstrasi) itu yang menggunakan jalan bertol", katanya.

Samy berkata demikian ketika diminta mengulas rancangan beberapa parti pembangkang dan NGO untuk berdemonstrasi besar-besaran di pusat kutipan tol utama di seluruh negara esok berikutan pengumuman kenaikan kadar tol di beberapa lebuh raya selepas Tahun Baru Cina.

Rabu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kenaikan kadar tol sebanyak 0.75 sen sekilometer di Lebuhraya Utara-Selatan yang menyaksikan pengguna terpaksa membayar 11.25 sen bagi setiap kilometer berbanding 10.50 sen sekarang.

Samy Vellu juga berkata kerajaan menerima surat dan permintaan daripada pelbagai pihak yang mahukan kerajaan meneruskan pembinaan projek jalan raya bertol yang ditangguhkan kerana laluan terbabit penting terutama kepada sektor perniagaan.

Menurutnya bagi mereka yang biasa menggunakan jalan raya bertol, kemudahan itu dapat menjimatkan masa selain meningkatkan keupayaan mereka menjalankan perniagaan.

--BERNAMA

HJ LAT